

**MAJLIS PELANCARAN BUKU HIGH IMPACT RESEARCH, UNIVERSITI MALAYA
21/08/2014**

DEWAN DECTAR, UNIVERSITI MALAYA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam Majlis Pelancaran Buku High Impact Research - "Touching Lives, Impacting Society", Universiti Malaya.

2. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Universiti Malaya atas usaha berterusan untuk memartabatkan bidang penyelidikan yang lebih berkualiti melalui program High Impact Research. Tahniah juga diucapkan atas kejayaan Universiti Malaya menghasilkan buku yang sudah pastinya menjadi perangsang kepada semua penyelidik untuk terus menyumbang kepada pembangunan Negara melalui penyelidikan berimpak tinggi.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

3. Universiti sebagai sebuah institusi ilmu memainkan peranan yang amat penting dalam menghasilkan kajian-kajian dalam pelbagai bidang yang dapat dimanfaatkan untuk kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Lebih-lebih lagi dalam era perkembangan teknologi yang begitu pantas hari ini, penyelidikan berimpak tinggi yang dijalankan oleh universiti pastinya akan menyumbang kepada usaha kerajaan untuk memacu kemajuan negara yang lebih pesat.

4. Sehubungan ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM590 juta bagi tahun 2011 sehingga 2015 kepada Universiti Malaya untuk menggiatkan aktiviti penyelidikan berimpak tinggi. Sudah pastinya pelaburan yang bukan sedikit ini harus menghasilkan pulangan (return on investment) yang berganda kepada negara. Justeru adalah amat penting setiap perancangan dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan dibuat dengan sebaik mungkin agar pelaksanaannya dapat memberi impak yang terbaik, berjaya mengoptimalkan penggunaan semua sumber yang ada dan mengelakkan pembaziran.

5. Sebagai salah sebuah universiti penyelidikan yang terbaik di Malaysia, hasil penyelidikan yang telah, sedang atau akan dijalankan oleh Universiti Malaya harus mampu menjadi

pemangkin kepada pembangunan dan kemajuan Malaysia. Ini termasuklah, menghasilkan graduan berkualiti tinggi, mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang-bidang yang berdaya saing, meningkatkan lebih banyak bilangan paten untuk dikomersilkan serta menarik minat lebih ramai ahli akademik untuk menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi. Ini termasuk menghasilkan penerbitan dalam jurnal-jurnal ISI atau Web of Science (Tier 1) yang pastinya akan menjadi bahan rujukan utama bukan sahaja di dalam negara malahan di peringkat antarabangsa. InsyaAllah, dengan penghasilan lebih banyak penerbitan di dalam jurnal-jurnal berimpak tinggi Universiti Malaya akan mendapat pengiktirafan dunia.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

6. Dalam usaha meningkatkan mutu penyelidikan negara, kolaborasi dengan pakar-pakar luar negara juga memainkan peranan penting. Saya amat berbangga kerana melalui inisiatif program High Impact Research ini Universiti Malaya telah berjaya menarik beberapa ikon akademik dunia untuk mewujudkan kolaborasi penyelidikan. Ini termasuk Prof Barry Marshall, Profesor dalam bidang Clinical Microbiology, University of Western Australia, Prof Noyori Ryoji Pesiden RIKEN Institute, Prof David Baltimore, President Emeritus, California Institute of Technology dan Prof Richard Roberts, Ketua Pegawai Saintifik New England Biolabs. Para penyelidik UM sebenarnya amat bertuah dengan wujudnya kolaborasi penyelidikan di peringkat antarabangsa ini dan seharusnya mengambil peluang keemasan ini untuk bersama-sama meningkatkan kualiti penyelidikan dan mengharumkan nama penyelidik Malaysia di persada dunia.

7. Suntikan dana yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada UM, membolehkan pelbagai prasarana dan peralatan canggih disediakan bagi kemudahan para penyelidik. Sehubungan itu saya menyeru kepada semua penyelidik daripada IPTA dan IPTS untuk bersama-sama memanfaatkan kemudahan berteknologi tinggi yang tersedia di Makmal Pusat, Bangunan High Impact Research. Perkongsian seperti ini bukan hanya akan mewujudkan jaringan kerjasama yang lebih luas sesama penyelidik, tetapi apa yang lebih penting adalah memastikan tidak berlaku pembaziran sumber. Kebersamaan di kalangan IPTA dan IPTS ini pastinya akan dapat menghasilkan "output" penyelidikan yang lebih bermakna dan berkualiti.

8. Saya difahamkan bahawa pencapaian prestasi HIR terkini adalah sebanyak 82%. Ini merupakan suatu pencapaian yang amat membanggakan memandangkan inisiatif ini baru berusia empat tahun. Saya yakin, prestasi HIR yang dinilai dari segi penerbitan, paten, ikon akademik dan bright sparks ini akan terus menunjukkan peningkatan dan merealisasikan hasrat UM serta kerajaan dalam mempergiatkan penyelidikan berimpak tinggi. Saya juga amat pasti bahawa perancangan UM bagi fasa HIR yang seterusnya telah menjadi agenda utama yang akan membawa universiti dan negara kita ke satu tahap yang lebih tinggi lagi dalam tempoh 5 tahun akan datang.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

9. Warga universiti merupakan nadi utama dalam proses pembangunan modal insan negara. Matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi amat bergantung kepada keupayaan kita semua dalam menjalankan tugas dan amanah yang digalas. Justeru, saya ingin menyeru semua pihak terutamanya pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan, Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Tertinggi Universiti untuk bersama-sama mengukuhkan jalinan kerjasama dan berazam untuk menjadikan agenda negara sebagai iltizam dan pemangkin kepada kejayaan anak bangsa di masa akan datang. Jadikan hasil penyelidikan yang diperolehi pada hari ini sesuatu yang memberi makna kepada generasi akan datang yang pastinya akan memberi impak kepada pembangunan bangsa dan Negara.

10. Pelancaran buku High Impact Research pada hari ini yang bersempena bulan kemerdekaan negara diharapkan menjadi pendorong kepada ahli akademik dan penyelidik untuk meneruskan tugas murni anda semua demi negara kita yang tercinta ini. Mengambil semangat kemerdekaan, perjuangan kita pada hari ini mungkin tidak sama dengan perjuangan generasi sebelum merdeka yang sanggup mengorbankan nyawa mereka untuk tanah air tercinta. Tugas kita hari ini adalah untuk mengisi kemerdekaan negara dengan memastikan negara kita terus maju, aman dan makmur. Sumbangan anda semua dalam menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi yang menjadi pemangkin kepada kemajuan negara adalah sebahagian penting daripada makna pengisian kemerdekaan yang sebenar. Saya pasti matlamat dan impian kita semua adalah sama iaitu untuk melihat Malaysia berdiri megah sebagai sebuah negara yang berdaulat dan berdaya maju.

11. Saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Universiti Malaya atas penghasilan pelbagai penyelidikan berimpak tinggi selama ini dan penerbitan sebuah buku mengenainya yang saya harap akan menjadi rujukan utama para penyelidik Malaysia dan antarabangsa. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini melancarkan buku High Impact Research – “Touching Lives, Impacting Society”.

Wabillahi al-taufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.